bpk NOTA RUJUKAN KOMSAS

**Mengintai Ruang Insaf**
**(Shukri Abdullah)**

## Maksud

**Rangkap 1**
Penyajak berasakan bahawa semakin banyak dosa yang dilakukannya telah menjauhkan dirinya dari rahmat Allah s.w.t.

**Rangkap 2**
Penyajak merupakan insan biasa yang seringkali melakukan kesilapan dalam hidup sehinggakan sukar untuk dirinya mendapat cahaya kebenaran dari Ilahi.

**Rangkap 3**
Penyajak tidak yakin sekiranya ruang keinsafan akan wujud dalam dirinya.

**Rangkap 4**
Penyajak berharap agar pintu taubat masih terbuka dan dirinya terhindar dari api neraka.

## Tema

Perasaan insaf seseorang atas kesilapan yang dilakukan dan bertekad untuk bertaubat.

## Persoalan

1. Persoalan fitrah manusia yang sering melakukan kesilapan dalam hidup..
2. Persoalan keinsafan yang wujud dalam diri manusia apabila menyedari kesilapan masa lalu.
3. Persoalan keinginan untuk kembali mendapat keampunan dan rahmat Allah.
4. Persoalan kesukaran mendapat rahmat Allah akibat berterusan melakukan dosa dalam hidup.

# NOTA RUJUKAN KOMSAS

## Bentuk

1. Terdiri daripada empat rangkap

2. Bilangan barisnya tidak sama. Rangkap pertama ada empat baris, rangkap kedua ada enam baris, rangkap ketiga terdiri daripada lima baris manakala rangkap keempat terdiri daripada tiga baris.

3. Mengandungi antara satu hingga enam patah kata sebaris.

4. Rima akhirnya bebas *abab,abcdbe,aabcd dan abb.*

5. Sajak ini berbentuk bebas.

## Nada

Melankolik.

## Gaya bahasa

1. Pemilihan kata atau diksinya indah.
   Contoh : *tubuhku tercalar duri pidana*.

2. Aliterasi :pengulangan konsonan *n*
   Contoh *: Ta**n**pa kembali ke tu**n**ja**n**g mak**n**a* (rangkap 3 baris 2*)*

3. Pengulangan konsonan *k*
   Contoh : ***k**erap **k**a**k**i**k**u tersadung selirat a**k**ar* (rangkap 2, baris 2)

4. *Dialog*
   Contoh : *"Apakah dalam sarat khilaf masih terbuka ruang untuk dianugerahkan keinsafan?"*

5. Asonansi :pengulangan vokal *i*
   *Contoh : Sewaktu berlar**i** d**i** padang h**i**dup.* (rangkap 2, baris 1)

6. Pengulangan vokal *u*
   *Contoh : masih terb**u**ka r**u**ang **u**nt**u**k* (rangkap 3, baris 4)

7. Metafora
   Contoh : *Sewaktu berlari di padang hidup* (rangkap 2, baris 1)

8. Hiperbola
   Contoh : *Tubuhku tercalar duri pidana (rangkap 2, baris 3)*

9. Penggunaan bahasa asing.
   Contoh : *Rabb* (bahasa arab)

10. Sinkope
    Contoh : *Kerap kaki**ku** tersadung selirat akar.*

## Nilai

1. Nilai keinsafan, contohnya timbulnya perasaan insaf yang mendalam untuk bertaubat akibat kesalahan masa lampaunya.
2. Nilai rasional, contohnya penyajak mengakui segala kesilapan yang pernah dilakukannya.
3. Nilai kesedaran, contohnya penyajak sedar dirinya telah melakukan banyak kesalahan.

## Pengajaran

1. Kita hendaklah tekun semasa menuntut ilmu.
2. Kita hendaklah meneliti minat untuk mendalami sesuatu bidang ilmu.
3. Kita hendaklah memiliki kegigihan dalam usaha mngejar ilmu.
4. Kita hendaklah rajin mengunjungi perpustakaan.

**Soalan**

1. Nyatakan dua gaya bahasa yang terdapat dalam sajak ini.

2. Nyatakan dua faktor yang boleh mendorong seseorang itu insaf.

**Jawapan :**

1. Dua gaya bahasa yang terdapat dalam sajak ini ialah penggunaan bahasa asing iaitu *Rabb* (bahasa arab) dan sinkope ,contohnya, *Kerap kaki**ku** tersadung selirat akar.*

2. Dua faktor yang mendorong seseorang itu insaf ialah sedar akan kesilapan yang lampau dan mempunyai keinginan untuk bertaubat.